KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	3/1/2022 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	8
JABATAN	:	JMG			

Banyak kes runtuhan cerun buatan manusia

Orang ramai diminta dapat nasihat pakar elak panik hebahan di media sosial

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Kuala Lumpur: Banjir teruk yang melanda Selangor pada 18 Disember lalu tidak hanya menjejaskan kawasan yang terbabit, sebaliknya beberapa kawasan sekitar Lembah Klang juga menunjukkan berlakunya kejadian tanah runtuh.

Presiden Institut Geologi Malaysia (IGM), Abd Rasid Jaapar, berkata inventori yang dilakukan leh Jabatan Kerja Raya (JKR) serta Jabatan Mineral dan Galian (JMG) menunjukkan kebanyakan cerun yang runtuh adalah cerun buatan manusia.

"Cerun semula jadi tidak direkodkan. Cerun buatan pula terbahagi kepada dua, iaitu cerun kejuruteraan dan cerun bukan kejuruteraan.

"Cerun kejuruteraan sepatutnya direkabentuk oleh jurutera geoteknik, dibantu oleh ahli geologi kejuruteraan dari segi pemahaman geologi dan geomorfologi supaya reka bentuk yang baik dan efektif dari segi kos dapat dibuat.

"Namun, hujan adalah sebagai pencetus kejadian tanah runtuh. Faktor penyebab atau faktor dalaman yang biasa adalah jenis dan sifat bahan geologi serta geomorfologi, iaitu keadaan dan proses muka bumi serta topografi kawasan," katanya kepada *BH*.

Kejadian banjir yang berlaku di kebanyakan negeri ketika ini menimbulkan kegusaran, terutama kepada keadaan tanah dan keselamatan bangunan tinggi, khususnya di Lembah Klang, tambahan ada dakwaan mengatakan terdapat pergerakan tanah di Bukit Kiara dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Gombak.

Bagaimanapun, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Norazam Khamis yang meninjau universiti itu memaklumkan tiada kesan rekahan baharu pada dinding dan lantai blok asrama lelaki selepas dilaporkan berlaku mendapan jalan serta tanah runtuh di kawasan berhampiran.

Abd Rasid berkata, ada juga faktor penyebab akibat tindakan manusia seperti kebocoran paip air atau pembetungan dan kerosakan sistem perparitan pada cerun.

"Jadi apabila hujan lebat luar biasa seperti yang berlaku selama beberapa hari baru-baru ini yang merekodkan curahan hujan melebihi 300 milimeter (mm) sehari mempercepatkan proses dalaman cerun dan akhirnya berlaku tanah runtuh.

"Ramai mempersoalkan mengapa sesetengah cerun sahaja berlaku tanah runtuh, sedangkan hujan di semua kawasan dan cerun. Ini kerana di bahagian cerun yang runtuh wujud faktor penyebab itu.

"Sememangnya ketika hujan lebat, banyak cerun akan runtuh disebabkan banyak perkara yang dijelaskan di atas," katanya.

Beliau berkata, selain tanah runtuh, hujan berlebihan juga boleh menyebabkan banjir.

"Banjir juga boleh menyebabkan tanah akan menjadi tepu air seterusnya melembutkan atau melonggarkan struktur tanah.

"Ia sekiranya reka bentuk pendasaran sesuatu bangunan tinggi tidak mengambil kira keadaan tanah akibat banjir atau tidak cukup untuk menampung beban akibat banjir," katanya.

Katanya, keadaan itu boleh juga menyebabkan keadaan yang berbahaya dan orang ramai dinasihatkan supaya tidak panik dengan hebahan dan maklumat di media sosial.

"Sebaliknya, dapatkan nasihat daripada ahli geologi kejuruteraan dan jurutera geoteknik yang memahami perkara ini.

"Mereka boleh membantu memberi nasihat bagaimana pemantauan berkala dilakukan sekiranya berasakan cerun atau bangunan didiami tidak selamat," katanya.



